



RASMI... Dr Raman memukul gong tanda perasmian karnival itu.



PENERANGAN.. salah seorang siswa memberikan penerangan tentang pameran hasil kerja mereka.

Karnival Ko-Kurikulum Semester 1 UMS uji potensi pelajar

NST 11.10.2012 11

KOTA KINABALU: Karnival Ko-Kurikulum Semester 1 Sesi 2012/2013 telah diadakan dengan jayanya di Dewan Canselor, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Karnival ini telah dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Raman Nordin, Pengarah Pusat Ko-Kurikulum dan Pemajuan Pelajar.

Karnival ini merupakan aktiviti kemuncak pembelajaran Kursus Ko-Kurikulum amat di-

titikberatkan penganjurannya bagi melihat sejauh mana perkembangan potensi, bakat dan penerapan kemahiran insaniah di kalangan pelajar UMS.

Antara aktiviti yang diadakan di Karnival ini adalah pameran-pameran hasil kerja pelajar yang mengikuti Kursus Ko-Kurikulum dan aktiviti UMS Siswa-siswi Prihatin (UMS SPRINT).

Karnival ini turut diserikan dengan

persempahan khas daripada kumpulan Kompong Kampung Pimping, Membakut.

Pengarah Program, Mohd. Rashidi Abdul Rashad, berkata beliau bersama rakan siswa-siswi lain banyak mempelajari ketika melaksanakan program berkenaan.

Penerapan elemen kemahiran insaniah dalam pengajaran kursus ko-kurikulum telah mengajar bagaimana untuk bekerjasama dalam pasukan, memimpin, berkommunikasi,

berfikiran kritis serta memahami moral dan etika sebagai seorang insan.

Sementara itu Penyelaras Program, No-rain Abdul Razak berkata pelajar telah memberikan komitmen yang tinggi sepanjang program itu.

"Saya amat berbangga dengan pelajar UMS kerana mereka dapat melaksanakan kesemua tugas yang diberikan dengan baik," katanya.